

# EAEC: Malaysia harap Jepun tidak terpengaruh

KUALA LUMPUR 17 Julai

— Malaysia berharap Jepun tidak akan terpengaruh dengan keputusan kerajaan Amerika Syarikat yang menolak penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Festival Tamadun Islam di sini hari ini sebagai mengulas laporan agensi berita asing bahawa Jepun menjelaskan masih belum menerima laporan mengenai pendirian Amerika Syarikat itu.

Ketika diminta mengulas lebih lanjut mengenai pendirian Amerika Syarikat tersebut, Dr. Mahathir berkata, Malaysia merasa kecewa dengan

ingin mengetahui 'apakah rasionalnya Amerika berpendirian sedemikian'.

"Malaysia amat kecewa kerana sebelum ini pentadbiran Bill Clinton nampaknya lebih bersikap terbuka dan tambahan pula kita telah menjelaskan bahawa EAEC bukan sebuah blok perdagangan atau forum rasmi tetapi hanya merupakan perundingan yang longgar untuk kerjasama ekonomi," katanya.

Katanya, pendirian Malaysia ini telah beberapa kali diperjelaskan kepada negara itu bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain.

"Kita tidak faham kenapa EAEC ditolak sedangkan penjelasan telah diberikan bahawa ia bu-

kan blok perdagangan, apakah kerana wama kulit kami," tanya Dr. Mahathir dengan nada serius.

Ditanya adakah penolakan EAEC oleh Amerika boleh menjejaskan hubungan kedua-dua negara, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak akan membenarkan perkara seumpama itu berlaku.

"Malaysia tetap akan menggunakan persahabatan yang sedia ada untuk memperjelaskan pendirian negara ini (mengenai EAEC)," katanya.

Beliau juga memberitahu, hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat menjadi bertambah baik sejak beliau mengadakan pertemuan dengan Clinton di Washington baru-baru ini.